

FPP BizNewz

Jan - May 2023

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

BUKIT MERAH
"THE RED FOREST"
PERMATA TERSEMBUNYI DI JERANTUT

TOXIC FRIENDSHIP
WHEN IT'S TIME TO LET GO

GRADUATES
WHO ARE THE URBAN POOR

ARROWS OF THE FAITHFUL
THE IMPORTANCE OF ARCHERY IN ISLAM

**TWIN-TO-TWIN TRANSFUSION
SYNDROME (TTTS)**



Publication Date
1 June 2023



Taman Eko-Rimba Gunung Datuk terletak di Hutan Simpan Tampin. Lokasinya terletak di jalan Tampin-Seremban iaitu 10 km dari Bandar Tampin dan 35 km dari Bandar Seremban. Kedudukannya adalah di sempadan Negeri Sembilan dan Melaka. Kemudahan yang disediakan di Taman Eko-Rimba Gunung Datuk adalah seperti tandas, dewan terbuka, tapak perkhemahan, wakaf, tempat letak kenderaan, rumah penginapan dan gerai jualan.

Gunung Rembau dan Gunung Gagak merupakan puncak paling hampir dengan Gunung Datuk. Sehingga awal tahun 90-an, dipercayai Gunung Datuk merupakan lokasi pertapaan untuk mendapatkan ilmu putih (ilmu baik) manakala Gunung Gagak lokasi pertapaan untuk mendapatkan ilmu hitam (ilmu jahat). Selain daripada mendaki Gunung Datuk, aktiviti mendaki boleh juga dilakukan di Gunung Rembau, Gunung Gagak, Trans-Naning yang menghubungkan Gunung Datuk, Gunung Tampin dan Gunung Datuk-Batu Maloi. Pada tahun 1372, menurut pakar rujuk adat dan budaya Negeri Sembilan, Allahyarham Profesor Norhalim Ibrahim, di dalam tradisi Adat Papatih, Gunung Datuk merupakan tempat yang digunakan oleh Datuk Papatih Nan Sebatang untuk mengumpulkan ketua-ketua adat dan mengisytiharkan gelaran serta nama penyandang Datuk Lembaga. Walau bagaimanapun catatan itu hanya di dalam laporan dan bukannya dicetak di dalam buku.

Diantara sembilan gunung yang terdapat di Negeri Sembilan, Gunung Datuklah yang paling popular dikalangan pendaki kerana mempunyai flora dan fauna yang belum tercemar.





Akhbar Sinar Harian turut menyiarkan hasil temu bual bersama dua peminat susur galur sejarah Negeri Sembilan Mohd Khairil Hisham Mohd Ashaari, 48, dan Osman Mohammad, 54, yang mengetahui kisah sejarah kewujudan kesan sebelah tapak kaki Hang Tuah di puncak Gunung Datuk yang menjadikannya menarik untuk dikunjungi. Sebelah tapak lagi dikatakan berada di Tanjung Tuan, Port Dickson. Walau bagaimanapun terdapat juga kenyataan menyatakan tapak kaki berkenaan didapati pada batu di salah sebuah sekolah di Daerah Rembau.

Puncak Gunung Datuk berada pada ketinggian 884 meter (2900 kaki) menyamai ketinggian Gunung Angsi dan merupakan puncak gunung yang tertinggi di Daerah Rembau. Ia memberikan pandangan panorama 360 yang menarik kepada pendaki kerana berpeluang menikmati matahari terbit jika mula mendaki seawal jam empat pagi dan melihat kapal belayar di Selat Melaka.

Titik permulaan pendakian adalah tidak kurang daripada 80 meter dari paras laut dan masa pendakian ke puncak mengambil masa selama dua jam.

Sebelum memulakan pendakian, setiap pendaki perlu merekodkan nama masing-masing di permit renjer untuk tujuan keselamatan. Bayaran RM5 juga dikenakan sebagai kos memelihara alam dan kos operasi tandas. Laluan pendakian bermula dengan menyeberangi anak sungai dan menaiki tangga. Pendaki tidak memerlukan pemandu arah kerana laluan tidak ekstrem dan mempunyai tanda arah yang jelas.

Cabaran bermula pada sejam yang pertama apabila pendaki perlu menempuhi laluan berbatu yang tinggi sebelum menempuhi laluan yang landai.

Terdapat juga kawasan lapang untuk berehat atau berkhemah sebelum pendaki naik ke puncak. Sebelum menamatkan pendakian ke puncak, pendaki diuji dengan puncak gunung yang berbatu dan pendaki perlu memanjat tangga yang menegak bersudut 90 darjah yang bergoyang walaupun sudah diikat dengan tali. Di puncak Gunung Datuk terdapat banyak batu-batu besar dan ruangnya tidak terlalu besar. Pendaki bergilir-gilir menikmati pemandangan keindahan alam semulajadi di puncak Gunung Datuk. Rata-rata pendaki baru aktiviti lasak ini berpuas hati dengan pengalaman yang diperolehi kerana Gunung Datuk mempunyai lokasi yang sesuai untuk menjalankan aktiviti rekreasi yang bersifat santai tetapi mencabar.

Rujukan

Laman Web Rasmi Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, 1 Oktober 2022, <https://forestry.ns.gov.my/index.php/my/eko-pelancongan/taman-eko-rimba/gunung-datuk>
Portal Rasmi Majlis Daerah Rembau, 1 Oktober 2022, <http://mdr.gov.my/ms/pelawat/hutan-lipur-gunung-datuk>
Sinar Harian. Kerajaan Tua di Sebalik Gunung Datuk. <http://www.sinarharian.com.my/nasional/kerajaan-tua-di-sebalik-gunung-datuk-1.631768>





BizNewz 2023
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com